

SULIT



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2022**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU**

1103/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. *Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata nama terbitan**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata nama terbitan** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Hutang seperti pinjaman dan pembiayaan peribadi, kereta, rumah, barangan dan sebagainya boleh dikatakan sudah menjadi kebiasaan. Jika individu bijak menguruskan kewangan dengan teliti dan sistematik, hutang boleh membantunya untuk memenuhi kehendak dan keperluan peribadi. Individu juga perlu mempunyai pengetahuan kewangan untuk membantu pengurusan kredit yang berhemat dan tingkah laku kewangan yang positif. Oleh itu, dengan merancang perbelanjaan dan kewangan, tidak mustahil anda juga boleh mencapai kebebasan kewangan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pengurusan Kewangan Bijak'
oleh Mahanum Abdullah
Dewan Masyarakat, Bil. 7/2017

[8 markah]

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti **tiga ayat aktif**, kemudian tukarkan **ayat-ayat aktif** tersebut menjadi **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Pihak kerajaan telah mengisytiharkan bahawa 31 Ogos sebagai cuti umum pada setiap tahun sempena Hari Kebangsaan. Pelbagai persembahan dirancang bagi memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan. Pihak penganjur turut membatitkan lebih 20 ribu orang peserta dalam acara perarakan. Penyertaan daripada semua lapisan masyarakat amat menggalakkan dalam perarakan tersebut. Pihak kerajaan menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik secara percuma untuk orang awam bagi kemudahan rakyat yang ingin menyaksikan sambutan tersebut. Sambutan Hari Kebangsaan ini menjadi manifestasi perpaduan kaum daripada masyarakat pelbagai latar belakang di Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
Ahmad Suhael Rosli,
BH Online, Ogos 2022

[6 markah]

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut semula.

Bahan 1

Laporan Kegiatan Persatuan Matematik dan Sains
Sekolah Menengah Kebangsaan Delima, Jerteh, Terengganu

Persatuan Matematik dan Sains ditubuhkan pada tahun 2012. Ahli persatuan ini berjumlah 55 orang. Mereka terdiri daripada murid tingkatan satu hingga tingkatan enam. Persatuan ini dibentuk untuk meningkatkan taraf pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

Persatuan ini telah menjalankan beberapa kegiatan sepanjang tahun 2021. Kegiatan-kegiatan tersebut berbentuk akademik dan bukan akademik. Kegiatan pertama yang dijalankan adalah pertandingan menulis esei tentang sains. Sambutan yang diberikan terhadap pertandingan ini adalah sangat menggalakkan.

Kami juga menganjurkan ceramah tentang inovasi dan aeroangkasa. Ceramah ini disampaikan oleh pensyarah daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Selain daripada itu, kami turut mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan sekolah. Kami memperindah kawasan lanskap di hadapan pejabat sekolah dengan menanam berbagai-bagai jenis bunga dan melabelkan pohon-pohon tersebut mengikut istilah sains.

Pada cuti penggal kedua persekolahan, kami mengadakan lawatan ke Taman Herba di Batu Pahat, Johor. Hasil daripada lawatan ini, kami banyak memperolehi pengetahuan tentang penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia di situ.

Keseluruhannya, kami berpuas hati dengan kegiatan-kegiatan yang dijalankan. Kami juga berterima kasih kepada guru penasihat, cikgu Ameer bin Abdul Satar yang banyak memberikan bimbingan kepada kami.

Disediakan oleh,

25 Oktober 2021

Razmi

(RAZMI BIN JAMALUDDIN)
Setiausaha Persatuan Matematik dan Sains,
Sekolah Menengah Kebangsaan Delima,
Jerteh, Terengganu.

[6 markah]

Bahan 2

Daripada : Nabila binti Jalal <nabila_jalal@hotmail.com>
Tarikh : 18 Julai 2022, Isnin, 3.00 petang
Perkara : Perkhemahan Bahasa Melayu
Kepada : Farah binti Ghani <farahghani@gmail.com>

Farah,

Apa khabar Farah di sana? Saya harap Farah dan keluarga diberi kesihatan yang baik di samping tugas seharian. Sudah lama kita tidak berjumpa sejak awak bertukar sekolah di Kuala Lumpur. Maaf, saya didapati positif COVID-19 dan terpaksa berada di rumah sahaja untuk proses **kurantin** wajib. Alhamdulillah, semuanya sudah kembali normal.

Saya ingin mendapatkan perhatian awak tentang aktiviti perkhemahan bahasa di sekolah saya pada minggu hadapan. Saya sebagai Pengerusi Persatuan Bahasa Melayu, memohon jasa baik awak untuk berkongsi pengalaman kerana awak pernah terlibat dengan aktiviti seperti ini pada tahun lepas. Saya berharap agar awak memberikan cadangan tentang lokasi yang perlu dipilih, aktiviti yang sesuai dijalankan dan kekangan yang akan dihadapi. Jika sekiranya awak tidak keberatan dan ada masa yang terluang, saya berharap agar awak dapat membantu saya dan dapat **dijadi** panduan berguna kepada saya dan rakan-rakan.

Saya akan menantikan balasan e-mel daripada awak, Farah. Saya berdoa agar urusan kita dipermudahkan selalu. Terima kasih.

Yang benar,

Nabila

[5 markah]

Bahan 2

Daripada : Nabila binti Jalal <nabila_jalal@hotmail.com>
Tarikh : 18 Julai 2022, Isnin, 3.00 petang
Perkara : Perkhemahan Bahasa Melayu
Kepada : Farah binti Ghani <farahghani@gmail.com>

Farah,

Apa khabar Farah di sana? Saya harap Farah dan keluarga diberi kesihatan yang baik di samping tugas seharian. Sudah lama kita tidak berjumpa sejak awak bertukar sekolah di Kuala Lumpur. Maaf, saya didapati positif COVID-19 dan terpaksa berada di rumah sahaja untuk proses **kurantin** wajib. Alhamdulillah, semuanya sudah kembali normal.

Saya ingin mendapatkan perhatian awak tentang aktiviti perkhemahan bahasa di sekolah saya pada minggu hadapan. Saya sebagai Pengerusi Persatuan Bahasa Melayu, memohon jasa baik awak untuk berkongsi pengalaman kerana awak pernah terlibat dengan aktiviti seperti ini pada tahun lepas. Saya berharap agar awak memberikan cadangan tentang lokasi yang perlu dipilih, aktiviti yang sesuai dijalankan dan kekangan yang akan dihadapi. Jika sekiranya awak tidak keberatan dan ada masa yang terluang, saya berharap agar awak dapat membantu saya dan dapat **dijadi** panduan berguna kepada saya dan rakan-rakan.

Saya akan menantikan balasan e-mel daripada awak, Farah. Saya berdoa agar urusan kita dipermudahkan selalu. Terima kasih.

Yang benar,

Nabila

[5 markah]

- 4 Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Maka Kertala Sari pun sedia kala berjalan keluar masuk bermain-main segenap kampung orang kaya-kaya dan saudagar.

Setelah diketahuinya, maka Kertala Sari pun masuk menyamar pada orang Patih Kerma Wijaya. Tatkala itu Kertala Sari pun masuk seorangnya mengikut Patih Kerma Wijaya pergi menghadap dengan Jawa yang banyak itu. Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang.

Dipetik daripada
'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 5 Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa lain yang sama **maksud dengan** peribahasa tersebut.

Mariya dan Siti merupakan sahabat karib sejak di sekolah rendah sehingga dianggap bagi isi dengan kuku kerana ke mana-mana sahaja mereka pergi tetap akan bersama. Mereka berdua berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara kerana berpegang pada prinsip di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Siti melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di luar negara manakala Mariya dalam bidang kejuruteraan. Namun begitu, atas faktor kelalaian Mariya gagal memperoleh keputusan yang cemerlang. Siti pulang ke tanah air dan bekerja di syarikat Petronas kerana dia masih terikat dengan tajaan syarikat tersebut. Situasi ini bertepatan dengan peribahasa bagai ikan pulang ke lubuk.

[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pendidikan abad ke-21 menuntut perubahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi menghasilkan impak positif kepada kemenjadian murid. Murid perlu *menerokai ilmu* dan maklumat baharu, mengaplikasi kemahiran dalam kehidupan seharian serta bersedia untuk bersaing dengan trend dunia digital terkini. Lantaran itu, Pembelajaran Masteri diperkenalkan sebagai satu pendekatan PdP yang berfokuskan tahap penguasaan murid dalam sesuatu kandungan pembelajaran. Murid yang diajar dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang seterusnya. Guru-guru pula perlu memahami matlamat pembelajaran ini dengan menyatakan prinsip Pembelajaran Masteri dan menjelaskan peranan modul tersebut untuk meningkatkan tahap pencapaian murid.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Modul Pembelajaran Masteri'

Siri Bahan Sokongan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BSBPK),
Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2022.

Bahan 2

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendefinisikan Pembelajaran Teradun sebagai pembelajaran berpusatkan murid yang menggabungkan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP), sokongan teknologi dan dilaksanakan di dalam serta di luar bilik darjah. Pembelajaran Teradun ialah amalan PdP yang menggabungkan mod pengajaran bersemuka secara tradisional dengan mod teknologi dalam talian. Selain itu, Pembelajaran Teradun merupakan pendekatan berpusatkan murid yang membolehkan murid mengawal kadar pembelajaran masing-masing dengan menggunakan pelbagai teknologi dalam talian. Bagi melaksanakannya, guru-guru sewajarnya mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan. Selain itu, guru juga menggunakan strategi penilaian yang sesuai untuk memantau perkembangan murid secara sistematik.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Modul Pembelajaran Teradun'

Siri Bahan Sokongan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BSBPK),
Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2022.

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *menerokai ilmu*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perkara yang perlu dilakukan oleh guru untuk menjayakan proses pembelajaran. [3 markah]
- (iii) Ilmu pengetahuan amat penting kepada golongan remaja bagi memastikan masa hadapan mereka terjamin. Remaja yang tidak berilmu mudah diperdayakan dan ketinggalan dalam pelbagai bidang.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan remaja menguasai ilmu?

[3 markah]

- (iv) Rakan anda menghadapi masalah untuk menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas. Namun begitu, dia tidak mengetahui cara untuk mengatasi masalah tersebut. Situasi ini menyebabkan rakan anda sering gagal dalam ujian dan peperiksaan yang dijalankan.

Selain mengikuti kelas tambahan atau tuisyen, nyatakan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh rakan anda untuk mengatasi masalah yang dihadapinya. [4 markah]

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandar Raya

Tiba-tiba pagi yang hitam itu datang
gergasi teknologi menyerangnya
dengan kejam membenamkan gigi-gigi besi
sehingga terdengarlah jeritan ngeri
suara beringin rebah ke bumi.

Sampai sekarang, tiap senjakala lembayung petang
dengarlah suara beringin mengucapkan pesan:
Selamat tinggal, selamat tinggal wahai awan
Selamat tinggal mentari selamat tinggal bulan
Selamat tinggal kupu-kupu sayang
Selamat tinggal wahai burung-burung bersarang
Selamat tinggal anak-anak bermain riang.

Namaku Beringin pohon tua yang terbuang
dimusuhi oleh rancangan bernama Pembangunan.

Dipetik daripada sajak
Usman Awang,
Lukisan Zaman,
Marwilis Publisher.

Bahan 2

Kera dan monyet melompat lalu bergayutan dan lari meninggalkan habitatnya. Begitu juga dengan gajah, babi hutan, payau, dan kijang, namun ada juga yang tidak sempat menyelamatkan diri. Seekor dua ular melata mati terjepit di celah gigi roda besi. Belum lagi soal mati katak serangga dan hidupan kecil yang lainnya. Ayam hutan dan burung-burung terbang membelah udara. Begitu lemah kepakannya mereka akibat sesak nafas kerana terhidu asap hitam daripada cerobong jentolak itu. Keruing, selangan batu, belian, kapur, seraya, dan aneka tumbuhan lainnya rebah menyembah bumi. Daun-daun yang berguguran malas cuba menutupi rimba yang mulai terdedah. Kabus perlahan-lahan meruap naik ke udara. Terik matahari yang memanah kini menghangatkan maya.

Dalam seketika sahaja hutan dara itu telah ternoda. Kini, hutan itu telanjang polos, sedangkan selama ini busana hijau yang menutupinya. Segala-galanya sirna dalam sekelip mata.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Hutan Rimba' oleh Sasjira
antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, terdapat beberapa pesanan yang dilakukan oleh beringin tua.
Nyatakan pesanan tersebut. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, berikan kesan pembangunan terhadap alam sekitar.
[3 markah]
- (iii) Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar amat penting untuk mengelakkan pelbagai kesan buruk kepada kehidupan rakyat di negara ini. Lantaran itu, pihak kerajaan harus mengembleng tenaga untuk melestarikan alam sekitar di negara ini.
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha tersebut? [4 markah]
- (iv) Dalam **Bahan 2**, penulis menyatakan banyak hidupan liar telah meninggalkan habitat dan pokok-pokok telah ditolak oleh jentera untuk membersihkan kawasan hutan.
Sebagai penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan hutan tersebut, nyatakan tindakan-tindakan yang dapat anda lakukan untuk mengatasi masalah penebangan hutan tersebut. [4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Hah, sistem Dinara ni aku rasa macam ada misteri sikit!” Nada suara Shida bertukar menjadi rendah. Seperti ada rahsia besar yang ingin dikongsi. “Aku baru baca tadi, Dinara sebenarnya hasil kerja Karl dan seorang lagi saintis iaitu Medina. Tetapi sebelum Dinara berjaya disiapkan, Medina telah menghilangkan diri. Tadi aku cuba cari maklumat tentang dia di arkib, aku cuma jumpa dua tiga dokumen sahaja. Sebab itu aku terus jadi musykil.” Shida menyuarakan sesuatu yang bersarang di mindanya.

“Itukah misterinya?” tanya Farisha yang tidak dapat menangkap keganjilan situasi tersebut.

“Ada kemungkinan Medina tu kena buang kerja, tak?” Farisha cuba meneka pula.

“Aaah ... aku rasa lebih daripada itu. Kalau setakat kena pecat, takkan hampir semua hasil kerjanya yang lama sudah tiada di arkib.” Shida cuba menjelaskan lagi kemusykilannya. “Aku rasa seolah-olah ada pihak yang cuba memadamkan terus nama Medina daripada sejarah syarikat ini.”

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*,
karya Dayang Noor,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan di atas, apakah perkara-perkara yang menimbulkan kemusykilannya kepada Shida? [4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Nor
- (c) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (e) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (f) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (g) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd. Yusop
- (h) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang boleh dijadikan panduan hidup kepada pembaca. [6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9 Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

pengangkutan awam

Bahan 1


Pengangkutan awam merupakan kemudahan yang disediakan untuk sampai ke destinasi terutamanya di kota-kota besar. Namun begitu, sering terdengar pelbagai rungutan tentang sistem pengangkutan awam di negara kita. Hal ini akan menyebabkan sistem tersebut kurang digunakan oleh orang ramai kerana mereka beranggapan bahawa pengangkutan awam disediakan hanya untuk golongan yang kurang mampu. Oleh hal yang demikian, sistem pengangkutan awam menjadi kurang popular dalam kalangan rakyat di negara ini. Situasi ini berbeza dengan sistem pengangkutan di negara-negara maju yang efisien dan terbukti membantu pertumbuhan ekonomi.

Di negara-negara maju, pengangkutan awam telah menjadi sebahagian daripada kehidupan rakyatnya. Senario seumpama ini belum wujud sepenuhnya di negara kita. Sebahagian daripada masyarakat kita melihat mutu pengangkutan awam di Malaysia masih ketinggalan jika dibandingkan dengan mutu pengangkutan awam di negara-negara lain. Lantaran itu, langkah yang perlu diambil ialah aspek kemudahan yang moden dan terkini perlu disediakan dalam setiap pengangkutan awam. Keadaan bertambah serius apabila terdapat perkhidmatan teksi dan bas yang dijadikan pengangkutan awam sudah uzur dan tidak layak bergerak di atas jalan raya. Perkara ini boleh diatasi apabila syarikat pengangkutan awam menggantikan kenderaan yang lama dengan kenderaan yang lebih moden.

Seperkara lagi, kesulitan orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam pada waktu puncak sudah berlarutan beberapa lama dan perkara ini melemahkan semangat mereka untuk menggunakan pengangkutan awam. Lantaran itu, langkah segera perlu diambil bagi mengatasi masalah ini. Antara lain, syarikat pengangkutan awam wajar menyediakan insentif kepada orang ramai yang menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh mereka dengan memberikan potongan harga bagi perjalanan jangka masa panjang. Syarikat pengangkutan awam diharapkan tidak hanya mementingkan imej syarikat dan keuntungan semata-mata tanpa melakukan pembaharuan terhadap perkhidmatan yang disediakan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pembaharuan dalam Sistem Pengangkutan Awam'
oleh Julia Hani binti Muslim,
Dewan Siswa, Bil. 9 / 2019

Bahan 2



Bahan 3

PANTUN PENGANGKUTAN AWAM

Dayung dikayuh menjala ikan,
Lumrah nelayan orang Seletar;
Usaha kerajaan dihenti jangan,
Kempen kesedaran wajar disebar.

Naik bahtera pergi belayar,
Singgah seketika di Pulau Lokan;
Pengangkutan di kota perlu dibayar,
Penumpang selesa sepanjang jalan.

Pergi menyelam di lautan biru,
Sebelum ke darat berjual beli;
Pengangkutan awam semakin maju,
Stesen berpusat cadangan diberi.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

